

10/02/2003

Nasib Langkawi selepas Dr M

Mior Kamarul Shahid

APA akan jadi kepada Langkawi selepas Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan jawatan kelak? Ini adalah soalan amat popular

dan sentiasa berlegar-legar di fikiran ramai penduduk pulau legenda itu. Berpeluang berbual dengan penduduk Langkawi, jelas menunjukkan mereka bimbang dengan nasib pulau itu selepas ini. Mereka mula berasakan Langkawi

akan menjadi lesu dan kurang mendapat perhatian setelah Dr Mahathir berundur. Mereka mengakui selama ini Dr Mahathir lah yang menghidupkan suasana di Langkawi, menukar wajah pulau itu dengan pelbagai projek pembangunan, menggalakkan pembukaan hotel, menyediakan pelbagai kemudahan,

menganjurkan pelbagai persidangan dan pertemuan penting dan sebagainya. Langkawi dikenali di seluruh dunia atas daya usaha Dr Mahathir.

Namun, mereka juga akur bahawa Dr Mahathir tidak boleh melakukan segala-galanya dan selama-lamanya untuk mereka. Apa yang dilakukan oleh Perdana Menteri sudah cukup untuk dijadikan perangsang bagi mereka terus memajukan

Langkawi. Kerajaan selepas pimpinan Dr Mahathir juga pastinya tidak akan mengabaikan tanggungjawabnya untuk memajukan Langkawi kerana menyedari bahawa kemasukan pelancongan ke negara ini, memberi hasil yang besar kepada negara. Langkawi adalah satu tarikan pelancong asing ke Malaysia. Jadi, tidak ada sebab penduduk Langkawi berasa gundah gulana mengenai masa depan pulau itu.

Apapun, tanggungjawab penting memajukan Langkawi terletak kepada pihak berkuasa dan penduduk Langkawi sendiri. Mereka mempunyai fungsi utama untuk menghidup pulau itu sebagai pusat peranginan yang menarik. Jika mereka masih menyerahkan tanggungjawab itu kepada Dr Mahathir atau penggantinya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semata-mata tanpa melakukan

sebarang usaha, tentulah Langkawi akan kehilangan serinya.

Sebagai penduduk Langkawi, mereka seharusnya yakin kepada potensi besar

pulau itu. Banyak cara yang boleh dilakukan untuk mendorong orang ramai sama ada dari dalam dan luar negara untuk berkunjung ke pulau itu.

Syaratnya, segala usaha untuk menarik pelancong tempatan dan asing harus diteruskan secara agresif. Selain pihak berkuasa berkaitan, semua sektor lain terutama pengusaha hotel dan agensi pelancongan seharusnya digerakkan

untuk meningkatkan kempen bagi menjadikan kawasan bebas cukai itu sebagai

pilihan utama untuk bercuti, pusat seminar dan sebagainya. Pengusaha hotel, calet dan sebagainya tidak boleh mengharap kemasukan pelancongan

bertali arus tanpa sebarang kempen kerana ia akan menjejaskan perniagaan mereka. Pembangunan baru akan datang dengan sendirinya jika Langkawi

terus

dikunjungi orang ramai. Pelabur akan terus menanam modal jika Langkawi dilihat berpotensi sebagai pusat peranginan terkemuka di dunia.

Paling penting, Langkawi sudah pun mempunyai segala keperluan asas yang dilaksanakan menerusi wawasan Dr Mahathir. Yang perlu dilakukan sekarang ialah mempromosikan pulau itu. Menyedari banyak tempat menarik lain yang juga memerlukan kehadiran pelancongan, mereka seharusnya sedia untuk bersaing.

Penduduk Langkawi sendirilah perlu mempromosikan pulau itu sebagai sebuah tempat yang mesti dilawati pelancong. Soal sama ada Langkawi mendapat perhatian atau tidak selepas ini, tidak seharusnya dijadikan isu.

Langkawi tidak seharusnya dicemari dengan sikap peniaga yang terlalu mementingkan keuntungan dengan menjual barang dan makanan yang terlalu mahal. Ia boleh menghilangkan minat orang ramai untuk berkunjung ke pulau itu. Imej pulau itu sebagai satu tempat yang mesra pengunjung seharusnya ditingkatkan.